



GARIS PANDUAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA CUKAI JUALAN NEGERI (CJNI) BIL 1 (PELANJUTAN TEMPOH) KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 15 Ogos 2023 telah melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri bil.1 yang mana program ini ditawarkan untuk menggalakkan pembayar Cukai Jualan Negeri (CJNI) bagi dua produk CJNI khususnya Komoditi Perikanan dan Besi Buruk dan Buangan yang dibawa keluar dari Sabah agar tampil secara sukarela untuk mendaftar lesen dan membayar CJNI dalam tempoh yang sepatutnya.
- 1.2. Mengambil kira sambutan yang baik ke atas program khas ini yang telah berakhir pada 31 Disember 2023, maka pihak Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah melanjutkan tempoh program tersebut sehingga **31 Mac 2024**.
- 1.3. Justeru itu, garis panduan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri bil.1 yang telah dikeluarkan pada 14 Ogos 2023 adalah masih dirujuk bagi tujuan penetapan prosedur pelaksanaan program ini dan hanya tempoh pelaksanaan sahaja yang diberikan pelanjutan seperti di Perkara 4 dalam dokumen ini.

2. OBJEKTIF PENYEDIAAN GARIS PANDUAN

- 2.1. Memberi penjelasan berhubung dengan kaedah pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI;
- 2.2. Memberi penjelasan kepada pembayar CJNI yang disasarkan berkenaan tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI serta tawaran pengecualian penuh penalti; dan
- 2.3. Menggariskan peraturan pembayaran yang berkaitan dengan Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI.

3. PERUNDANGAN

Peruntukan undang-undang yang dirujuk bagi Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini adalah Seksyen 18 dan 24, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

4. TEMPOH PELAKSANAAN (PELANJUTAN TEMPOH)

Tempoh pelanjutan Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI adalah **bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2024**.

5. PELAKSANAAN

5.1 Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini dibuka kepada pembayar CJNI untuk produk komoditi berikut:

5.1.1 CJNI ke atas komoditi perikanan dibawa keluar dari Sabah; dan

5.1.2 CJNI ke atas besi buruk dan buangan dibawa keluar dari Sabah

- 5.2. Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini menyasarkan pengisytiharan dan pembayaran CJNI bagi tempoh bercukai yang telah berlalu (terdahulu). Tempoh bercukai yang terlibat untuk program ini adalah mengikut tarikh kuat kuasa produk tersebut iaitu:

Bil.	Produk	Tempoh Bercukai Terlibat
1	Komoditi perikanan dibawa keluar dari Sabah	1 Mei 2021 – 14 Ogos 2023
2	Besi buruk dan buangan dibawa keluar dari Sabah	1 Februari 2022 – 14 Ogos 2023

- 5.3. Kadar CJNI yang terpakai dalam Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini adalah mengikut kadar cukai yang berkuat kuasa dalam tempoh transaksi penjualan tersebut berlaku.

- 5.4. Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI menyasarkan kategori-kategori berikut:

5.4.1 Kategori 1 – Syarikat yang tidak pernah mendaftar lesen CJNI tetapi menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barangan yang dikenakan CJNI dalam Perkara 5.1

- a. Pihak syarikat terlebih dahulu dikehendaki mendaftar dengan Kementerian Kewangan Negeri Sabah bagi mendapatkan lesen CJNI. Pendaftaran lesen CJNI boleh dibuat melalui Sistem Cukai Jualan Negeri (e-CJNI) (<https://cukaijualannegeri.sabah.gov.my/>).
- b. Setelah permohonan diproses dan lesen CJNI diluluskan, pihak syarikat perlu mengisytiharkan penjualan produk yang dikenakan cukai dengan mengemukakan Penyata Cukai Jualan Negeri (Borang 4) secara dalam talian melalui sistem e-CJNI dalam tempoh Program Khas ini.

- c. Pengemukakan Borang 4 oleh pihak syarikat adalah untuk tempoh bercukai yang terlibat seperti di Perkara 5.2

5.4.2 Kategori 2 – Syarikat yang telah berdaftar lesen CJNI tetapi belum membuat pengisytiharan CJNI bagi transaksi penjualan tertentu

- a. Borang 4 perlu dikemukakan dalam tempoh Program Khas dengan melaporkan semua jualan produk dikenakan CJNI yang belum pernah diisytihar secara dalam talian melalui Sistem e-CJNI (<https://cukaijualannegeri.sabah.gov.my/>).
- b. Pengemukakan Borang 4 oleh pihak syarikat adalah untuk tempoh bercukai yang terlibat seperti di Perkara 5.2.

5.4.3 Kategori 3 – Syarikat yang telah berdaftar lesen CJNI tetapi tidak mengisytiharkan CJNI dengan betul bagi mana-mana tahun taksiran

- a. Pihak syarikat perlu mengemukakan pengakuan secara bertulis iaitu melalui surat dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini berkaitan penjualan produk dikenakan CJNI yang belum diisytiharkan.
- b. Surat ini hendaklah menyatakan bahawa pembayar CJNI membuat **PENGAKUAN PENUH** ke atas penjualan produk dikenakan CJNI yang belum atau tidak diisytiharkan sebelum ini.
- c. Surat ini hendaklah dihantar kepada Bahagian Cukai Jualan Negeri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah sama ada melalui kiriman pos, serahan tangan di kaunter atau melalui e-mel.

- d. Setelah permohonan diterima, komunikasi selanjutnya dan pemakluman pembayaran CJNI akan dilakukan melalui surat dan e-mel.

5.5 Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini terpakai kepada:

5.5.1 Pengakuan sukarela yang menyebabkan ada taksiran atau taksiran tambahan dibangkitkan.

5.5.2 Kes-kes yang sedang diaudit/diasiat. Namun, pengakuan sukarela yang dikemukakan adalah tertakluk kepada apa-apa penemuan audit/siasatan tersebut.

5.6 Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini tidak terpakai kepada pengakuan sukarela yang melibatkan kes:

5.6.1 Tidak kena cukai, taksiran kurangan atau cukai kena dibayar balik (*remittance*); atau

5.6.2 Pihak syarikat yang telah mengemukakan permohonan berkaitan CJNI bagi tempoh bercukai seperti di Perkara 5.2 sebelum ini dan telah mendapat keputusan berkaitan permohonan tersebut daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

5.6.3 Siasatan jenayah telah dimulakan atau prosiding pendakwaan susulan daripada siasatan jenayah telah difailkan di mahkamah berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

5.7 Pihak syarikat hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat telah **mengambil kira kesemua penjualan yang boleh dikenakan CJNI** bagi tempoh bercukai seperti di Perkara 5.2. Pihak syarikat turut perlu

memastikan pengakuan sukarela yang dibuat adalah **tepat dan teratur** selaras dengan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999.

- 5.8 Segala maklumat pengakuan sukarela yang dikemukakan oleh pembayar CJNI dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini akan diterima secara suci hati oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan menyemak pengiraan cukai yang diisytiharkan bagi memastikan ketepatan pengakuan sukarela yang dikemukakan oleh para pembayar CJNI.
- 5.9 Tindakan audit/siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat. Walau bagaimanapun, tindakan audit/siasatan/susunan boleh diambil sekiranya pihak syarikat gagal membuat bayaran penuh kesemua CJNI yang telah diisytihar dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini dijalankan untuk mendapatkan semula keseluruhan CJNI yang wajib dibayar.

6. KADAR PENALTI DALAM TEMPOH PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA CJNI

- 6.1 Tiada penalti yang akan dikenakan terhadap mana-mana kategori pembayar cukai yang tampil secara sukarela mengisytihar dan membayar CJNI dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini.
- 6.2 Namun demikian, sekiranya jumlah CJNI yang diisytiharkan secara sukarela melalui Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini masih tidak dibayar secara sepenuhnya sehingga program ini berakhir, baki CJNI yang belum dibayar akan tertakluk kepada pengenaan penalti selaras dengan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

7. PERATURAN PEMBAYARAN

- 7.1 Peraturan bayaran bagi pengakuan sukarela dalam tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI adalah seperti berikut:

Tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI (Pelanjutan Tempoh)	Tarikh Akhir Pembayaran Dibuat
1 Januari 2024 – 31 Mac 2024	31 Mac 2024

- 7.2 Pihak syarikat dibenarkan membuat bayaran CJNI bagi pengisytiharan CJNI yang dilakukan melalui Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini sama ada:

7.2.1 Secara sekali gus (*lump-sum*) dalam tempoh 30 hari dari tarikh Penyata Cukai Jualan (Borang 4) dikemukakan; atau

7.2.2 Secara ansuran dalam tempoh Program Khas ini dilaksanakan:

- a) Untuk pembayaran secara ansuran, pihak syarikat perlu mengemukakan permohonan secara bertulis melalui surat di mana butiran surat adalah seperti berikut:
 - i) Tempoh bayaran ansuran yang dipohon (Had tempoh) untuk pembayaran ansuran hanya sehingga Mac 2024 sahaja; dan
 - ii) Justifikasi permohonan bayaran secara ansuran
- b) Surat berkenaan perlu dihantar kepada Bahagian Cukai Jualan Negeri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah sama ada melalui kiriman pos, melalui serahan tangan di kaunter atau melalui e-mel.
- c) Sebarang permohonan melalui Program Khas Pengakuan Sukarela CJNI ini akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan Program Khas ini.

- d) Setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah, pihak syarikat hendaklah mematuhi Jadual Bayaran yang telah dipersetujui. Tindakan akan diambil sekiranya syarikat gagal mematuhi jadual bayaran ansuran yang ditetapkan.

7.3 Pembayaran ansuran tidak terpakai untuk CJN bagi tempoh bercukai semasa (15 Ogos 2023 – 31 Mac 2024) di mana pihak syarikat perlu membayar CJN semasa sebelum barang yang dikenakan CJN dibawa keluar dari Sabah.

7.4 Sekiranya jumlah CJN yang diisytiharkan secara sukarela melalui Program Khas Pengakuan Sukarela CJN ini masih tidak dibayar secara sepenuhnya sehingga program ini berakhir, baki CJN yang belum dibayar akan tertakluk kepada pengenaan penalti selaras dengan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

8. TINDAKAN PERUNDANGAN

8.1. Tiada penalti akan dikenakan bagi semua kategori pengakuan sukarela sekiranya pembayaran CJN selesai dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Program Khas ini.

8.2. Kadar penalti selepas tempoh Program Khas Pengakuan Sukarela CJN akan dikenakan selaras dengan Seksyen 18, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

9. CARTA ALIR

Carta alir bagi pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.

10. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan keterangan lanjut berkaitan garis panduan ini, sila berhubung dan merujuk dengan pegawai/kakitangan di Bahagian Cukai Jualan Negeri seperti berikut:

Unit Pungutan
Bahagian Cukai Jualan Negeri
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Aras 5, Blok A, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU
Tel: 088-368067 (Talian Am)

Evina Brenda Majimbun	 088 368 068	 EvinaBrenda.Majimbun@sabah.gov.my
Harmidi Zaffuan bin Hashim	 088 368 048	 HarmidiZaffuan.Hashim@sabah.gov.my
DK Normahani Pg. Mohd	 088 368 038	 DKNormahani.PgMohd@sabah.gov.my
Claudia Ann Sylvester	 088 368 052	 Claudia.Salbishte@sabah.gov.my
Adhwa Nadiah Binti Hassan	 088 368 057	 adhwanadiah.hassan@gmail.com

BAHAGIAN CUKAI JUALAN NEGERI
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
8 Januari 2024

LAMPIRAN A

**CARTA ALIR PELAKSANAAN
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA CUKAI JUALAN NEGERI**

PROGRAM KHAS

Syarikat yang menjalankan atau membekal barang yang dikenakan iaitu komoditi perikanan atau besi buruk dan buangan yang dibawa keluar dari Sabah

Memiliki Lesen CJN?

Tidak

Ya

Syarikat tidak berdaftar

Syarikat berdaftar

Mohon Lesen CJN melalui Sistem e-CJN

Belum membuat pengisytiharan CJN bagi transaksi penjualan tertentu

Tidak mengisytiharkan CJN dengan betul bagi mana-mana transaksi penjualan

Kemukakan pengisytiharan CJN melalui Borang 4 dalam Sistem e-CJN

Kemukakan pengakuan penuh bagi pengisytiharan CJN melalui surat dan dihantar kepada Bahagian CJN

Bayar secara sekali gus?

Tidak

Ya

Kemukakan bersama surat permohonan bayaran secara ansuran

Tiada dokumen tambahan yang perlu dikemukakan

Pembayar CJN

KKNS

Surat pemakluman permohonan bayaran ansuran tidak diluluskan

Tidak

Layak?

Ya

Keluarkan surat arahan pembayaran

Tindakan audit/siasatan/susulan untuk mendapatkan baki CJN yang belum dibayar

Tidak

Bayaran teratur dan mengikut tempoh?

Ya

Selesai